



18 MAR, 2026

TNB beri kerjasama penuh siasat kes 3 maut kena renjatan elektrik

Harian Metro, Malaysia



TNB beri kerjasama penuh siasat kes 3 maut kena renjatan elektrik

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam kes tiga lelaki maut akibat renjatan elektrik dipercayai semasa cuba mencuri kabel di kawasan tanah lapang di Taman Ra-

pat Perdana, di Ipoh, pagi kelmarin.
TNB berkata, kes berkenaan dipercayai berkaitan cubaan mencuri kabel di pemasangan elektrik.
"Pihak TNB digerakkan ke tempat kejadian bagi memberikan kerjasama penuh kepada pihak PDRM dan ST untuk menjalankan

siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.
TNB turut mengingatkan orang ramai bahawa pemasangan elektrik seperti tiang, kabel dan talian elektrik adalah berbahaya serta tidak boleh disentuh atau diceroboh oleh mana-mana pihak.

"Sebarang perbuatan mengganggu atau merosakkan pemasangan elektrik bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah boleh mengundang risiko renjatan elektrik yang boleh membawa maut.
"Orang awam dinasihatkan supaya menjauhi pemasangan elektrik dan se-

gera melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa atau TNB bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini," katanya.
Kelmarin, Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Muhammad Najib Hamzah berkata, pihaknya menerima panggilan

daripada orang awam mengenai kejadian itu kira-kira jam 10 pagi.
Katanya, siasatan awal mendapati semua lelaki berusia antara 35 hingga 50 tahun itu sudah meninggal dunia dipercayai akibat renjatan elektrik, semasa cuba memotong kabel pada tiang milik TNB.